



GELIGA SEBAGAI PUISI ADAT DALAM KOMUNITI IBAN

[GELIGA AS A CUSTOMARY POEM IN THE IBAN COMMUNITY]

LAURA BERUIN^{1*} & CHEMALINE OSUP¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA. E-mail: chemaline@fbk.upsi.edu.my

Received: 15 April 2021

Accepted: 10 Mei 2021

Published: 28 Julai 2021

Abstrak: Adat rumah panjang masyarakat Iban disampaikan melalui puisi geliga iaitu berkaitan dengan tingkah laku yang perlu dipatuhi para tetamu sepanjang perayaan atau majlis berlangsung seperti hari gawai dan perkahwinan. Sekiranya para tetamu melanggar adat tersebut maka akan dikenakan denda berdasarkan adat rumah panjang. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis geliga sebagai puisi adat, mengenal pasti fungsi geliga berdasarkan teori budaya dan menghuraikan gaya bahasa pengulangan kata dalam geliga. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan teori budaya dan teori stilistik berdasarkan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks, meneliti perjuangan-perjuangan individu dan kefahaman pembaca. Pengutipan data dilakukan dengan kaedah temu bual dan perpustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa jenis geliga adalah Geliga Gawai Dayak dan Geliga Nikah. Fungsi geliga pula adalah sebagai peringatan tentang adat rumah panjang dan membentuk akhlak yang mulia. Gaya bahasa pengulangan kata yang berlaku dalam geliga adalah anafora dan mesodilopsis. Penyelidikan ini bukan sahaja menjelaskan geliga sebagai salah satu kesenian masyarakat Iban namun juga sebagai salah satu wadah dalam mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban sekaligus membentuk serta mendidik sahsiah masyarakat.

Kata Kunci: Geliga, puisi, adat, masyarakat Iban, teori budaya, teori stilistik.

Abstract: The longhouse custom of the Iban community is conveyed through geliga poems which are related to the behavior that must be observed by the guests during the festival or ceremony such as gawai and wedding day. If the guests violate the custom then they will be fined based on the longhouse custom. This research was conducted to identify the type of geliga as a customary poem, identify the function of geliga based on cultural theory and describe the language style of word repetition in geliga. This research is qualitative by using cultural theory and stylistic theory based on the approach of examining aspects of the cultural background of the text, examining the individual struggles and understanding of the reader. Data collection was done by interview and library methods. The results of the study found that the types of geliga are Geliga Gawai Dayak and Geliga Nikah. The function of the geliga is as a reminder of the customs of the longhouse and to form noble morals. The language styles of word repetition in geliga are anaphora and mesodiplosis. This research not only explains geliga as one of the arts of the Iban community but also as one of the platforms in defending the customs and culture of the Iban community as well as shaping and educating the personality of the community.

Keywords: Geliga, poetry, customs, Iban people, cultural theory, stylistic theory.

Cite This Article:

Laura Beruin & Chemaline Osup. (2021). Geliga sebagai puisi adat dalam Komuniti Iban [Geliga as a customary poem in the Iban Community]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(3), 15-28.

PENGENALAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji genre sastera bagi masyarakat Iban di negeri Sarawak iaitu puisi tradisional *geliga* yang disebut sebagai *leka main geliga*. *Leka main* membawa erti puisi bagi masyarakat Iban. Puisi masyarakat Iban terbahagi kepada tiga kategori iaitu hiburan, adat dan seruan kepada Tuhan. *Leka main geliga* merupakan dari kategori *leka main adat basa* (puisi adat). *Leka main geliga* ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu hanya dilafazkan pada hari perayaan dan majlis tertentu sahaja di rumah panjang masyarakat Iban. Hari perayaan dan majlis yang dimaksudkan adalah hari Gawai Dayak dan majlis perkahwinan. Perkara tersebut menjelaskan bahawa *leka main geliga* ini tidak dilafazkan pada hari biasa kerana *leka main geliga* melibatkan masyarakat yang ramai iaitu pada hari perayaan dan majlis perkahwinan kerana menghimpun ramai tetamu dari rumah panjang yang berlainan. *Leka main geliga* dilafazkan oleh pemuisi *geliga* sebelum bermulanya perayaan atau majlis yang diraikan. Kenyataan tersebut juga dinyatakan oleh Anthony Richards (1981: 101) dalam Kamus *Iban-English*, *geliga* disebut sebelum bermulanya sesuatu majlis. *Leka main geliga* ini membicarakan tentang adat rumah panjang berkaitan dengan tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh para tetamu dan penghuni rumah panjang iaitu penganjur acara sepanjang perayaan gawai dan majlis perkahwinan berlangsung supaya perayaan dan majlis yang diraikan berjalan dengan lancar. Sekiranya mereka didapati melanggar adat tersebut maka akan dikenakan denda mengikut adat rumah panjang yang telah ditetapkan.

Masyarakat Iban pada suatu ketika dahulu menggunakan *leka main geliga* sebagai salah satu wadah dalam menyampaikan suara, nasihat, teguran, pesanan dan mesej yang digunakan untuk menyampaikan maklumat serta membentuk perlakuan masyarakat kerana puisi *geliga* ini bersifat lisan yang memudahkan masyarakat Iban pada suatu ketika dahulu mengawal tingkah laku penduduk di rumah panjang melalui *leka main geliga*. Selain itu, *leka main geliga* juga digunakan untuk menyampaikan idea, buah fikiran, emosi seperti sedih, gembira, marah yang berkait dengan perasaan. Menurut Joanes (2015: 16) menyatakan puisi tradisional masyarakat Iban mempunyai estetikanya yang tersendiri. Disebabkan itu, *leka main geliga* ini menjadi sebahagian daripada pegangan hidup masyarakat Iban dari aspek adat dan budaya.

Menurut Nelson Tandang (2017: 1) menyatakan bahawa puisi bagi rakyat Iban telah dicipta berdasarkan tindak-tanduk manusia iaitu berkaitan dengan perlakuan seharian. Jelaslah bahawa puisi *geliga* ini menampilkan tingkah laku masyarakat Iban yang dilafazkan oleh pemuisi *geliga* pada perayaan gawai dan majlis perkahwinan di rumah panjang. Sebagai contoh, tingkah laku yang diselitkan dalam *leka main geliga* ini adalah tidak boleh mencuri, bergaduh, menyindir, membunuh, membawa senjata tajam, membawa racun, membawa tangkal dan sebagainya. Sekiranya tingkah laku tersebut tidak dipatuhi oleh khalayak maka akan dikenakan denda mengikut adat rumah panjang yang telah ditetapkan oleh *tuai rumah* (ketua kampung).

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun *leka main geliga* masih dilafazkan sehingga ke hari ini, namun ianya hanya dilafazkan secara spontan iaitu tidak dilafazkan secara berpuisi oleh pemuisi *geliga*. Disebabkan itu, puisi *geliga* kini mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Iban yang masih mengenali *leka main geliga* terutamanya masyarakat Iban yang masih tinggal di rumah panjang. Hal ini kerana, bagi masyarakat Iban terutamanya golongan muda yang tidak pernah mendengar puisi *geliga* pasti beranggapan bahawa puisi *geliga* tersebut hanya sekadar ucapan yang disampaikan untuk memberi maklumat berkenaan peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang perayaan gawai dan majlis perkahwinan berlangsung.

Chemaline Osup (2013: 120) menyokong pernyataan tersebut dengan menjelaskan seiring aliran zaman masa kini, hiburan yang semakin moden menyebabkan masyarakat Iban terutamanya golongan muda kurang berminat terhadap puisi tradisional. Kajian ini yang menyentuh *geliga* sebagai puisi adat sangat bertepatan dan bersesuaian pada zaman yang serba mencabar ini. Justeru, kajian ini akan melihat kepada beberapa jenis *geliga* yang diwarisi rakyat Iban di rumah panjang.

Kajian Chemaline Osup (2019: 1455) menjelaskan bahawa puisi berupaya untuk membentuk akhlak yang baik dan mempunyai budi pekerti yang tinggi. Hal yang sedemikian menjelaskan bahawa kajian ini perlu meneroka dengan lebih mendalam berkenaan fungsi *geliga* yang boleh membudayakan masyarakat Iban. Sifat tidak ingin memahami dan mendengar setiap bait-bait *geliga* yang dilafazkan dalam kalangan para tetamu ketika perayaan gawai dan majlis perkahwinan pasti akan mengakibatkan penghuni rumah panjang atau para tetamu yang hadir bergaduh sesama sendiri dan tidak memikirkan hukuman yang akan dikenakan. Hanya segelintir generasi tua yang minat mendengar *geliga* ini sudah pasti mendengar setiap *geliga* yang diungkapkan dan memahami setiap isi kandungan yang dipuisikan serta mematuhi adat yang ditetapkan. Justeru, kajian ini akan melihat kepada fungsi *geliga* ini dalam masyarakat Iban.

Terdapat gaya bahasa yang digunakan dalam bait-bait *leka main geliga* namun ianya digunakan secara tidak tersusun sehingga menjejaskan intipati yang ingin disampaikan dalam *leka main geliga* kepada khalayak ramai. Gaya bahasa amat penting digunakan dalam *leka main geliga* untuk menarik perhatian orang ramai yang mendengarnya. Kenyataan tersebut disokong oleh Indah (2018: 80) menyatakan maksud gaya bahasa adalah *style* yang membawa erti kepada beberapa perkataan disampaikan dalam bentuk berbeza untuk memantapkan lagi puisi yang dicipta. Oleh itu, penyelidik akan melihat gaya bahasa yang digunakan dalam *geliga* seperti anafora, epifora, aliterasi, rima dan sebagainya.

KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan ini memberi ruang kepada masyarakat Iban mengetahui dengan lebih mendalam dan terperinci mengenai *leka main geliga*. Golongan muda merupakan golongan yang perlu diutamakan untuk mengetahui tentang puisi *geliga* kerana mereka dapat mempelajari puisi tradisional dan menerapkannya dalam kehidupan mereka sehingga dapat mewarisinya secara turun temurun dan mempraktikkan adat yang diselitkan dalam bait-bait *leka main geliga* ke dalam kehidupan seharian. Disebabkan *leka main geliga* ini hanya dilafazkan semasa hari

perayaan gawai dan majlis perkahwinan sahaja maka ia menjelaskan penyelidikan ini penting untuk dijalankan.

Selain itu, penyelidikan ini juga berupaya dijadikan wadah untuk membentuk sahsiah dan keperibadian yang baik dalam kalangan masyarakat Iban di rumah panjang. Chemaline dan Norjietta (2019: 1466) menyokong pernyataan tersebut dengan menjelaskan puisi boleh memberi implikasi terhadap pembentukan tingkah laku yang lebih berwawasan dan memiliki nilai moral yang lebih tinggi. *Leka main geliga* ini ternyata bukan sahaja sebagai seni warisan yang berbentuk hiburan namun juga berupaya mendidik keperibadian yang lebih baik dalam kalangan masyarakat Iban.

Gaya bahasa yang digunakan dalam *leka main geliga* juga penting untuk dihuraikan dalam penyelidikan ini kerana boleh dijadikan panduan kepada pemuisi *geliga* dalam mencipta kata ataupun mencipta bait-bait yang digunakan dalam *leka main geliga*. Tambahan lagi, gaya bahasa yang jelas juga membantu pemuisi *geliga* untuk menyampaikan mesej dengan lebih jelas dan berkesan. Indah, Yulia dan Rangga (2018: 80) menjelaskan bahawa gaya bahasa memberi kelebihan dan memantapkan lagi puisi yang dicipta.

Bagi pendidikan, penyelidikan ini boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Iban di sekolah berkaitan dengan genre sastera iaitu puisi tradisional. Hal ini kerana mempelajari dan mendalami puisi tradisional seperti puisi *geliga* memberi kelebihan kepada pelajar untuk meningkatkan penguasaan membaca sekaligus meningkatkan kemahiran pelajar mencipta puisi tradisional. Tambahan lagi, intipati berkenaan adat dalam puisi *geliga* ini pasti akan membimbing serta membentuk perlakuan pelajar agar lebih baik dan berdisiplin.

BATASAN KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan di beberapa buah rumah panjang yang terdapat di daerah Lubok Antu iaitu di bahagian Sri Aman, Sarawak. Seramai lima responden yang ditemu bual oleh penyelidik. Empat responden merupakan pemuisi *geliga* manakala seorang responden lagi adalah pegawai penyelidik. Responden yang ditemu bual tersebut hanya menjurus kepada masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang dan digelar sebagai pemuisi *geliga*. Bagi pegawai penyelidik pula bukan sahaja mempunyai latar belakang pendidikan namun mempunyai pengetahuan yang luas tentang *leka main geliga*. Tambahan lagi, beliau juga merupakan masyarakat Iban yang mengukuhkan adat dan budaya di Sarawak dari Yayasan Tun Jugah Sarawak.

Puisi terbahagi kepada tiga kategori iaitu hiburan, adat dan seruan kepada Tuhan. Namun hanya satu puisi yang dikaji dalam penyelidikan ini iaitu puisi *geliga* dari kategori puisi adat. Puisi *geliga* ini hanya dilafazkan pada hari gawai dan majlis perkahwinan sahaja. Intipati yang diselitkan adalah tentang adat rumah panjang berkaitan dengan tingkah laku yang perlu dipatuhi khalayak ramai sepanjang perayaan gawai dan majlis perkahwinan berlangsung supaya perayaan dan majlis yang diraikan berjalan dengan lancar. Sekiranya terdapat sesiapa yang melanggar adat, maka akan dikenakan denda oleh *tuai rumah* (ketua kampung) atau pemuisi *geliga*.

SOROTAN LITERATUR

Chemaline Osup dan Norjietta Taisin (2019), menyatakan bahawa puisi tradisional seperti dindang dan pantun berupaya untuk memberi impak terhadap golongan muda melalui pembentukan sahsiah diri mereka agar lebih bercita-cita tinggi, bijaksana, beretika, rajin dan mempunyai nilai moral yang tinggi. Penggunaan puisi dindang dan pantun secara meluas juga akan memberi peluang kepada masyarakat Iban dan Melayu untuk memperkayakan lagi nilai kemanusiaan dalam diri mereka. Selain itu, puisi dindang dan pantun juga dijadikan alat untuk menyampaikan buah fikiran, perasan dan emosi dalam diri masyarakat. Oleh kerana itu, puisi tradisional berupaya untuk mendidik masyarakat supaya lebih berwibawa. Kajian tersebut menyokong penyelidikan ini kerana mempunyai tujuan yang sama dengan puisi *geliga* iaitu berupaya untuk membentuk keperibadian masyarakat Iban yang lebih baik terutamanya dalam mengawal emosi dan tingkah laku dalam kehidupan seharian.

Hal ini turut dijelaskan oleh Rosliah Kiting, Rosy Talin dan Nornis Mahali (2016), yang berpendapat bahawa puisi talaala bagi masyarakat kadazandusun mempunyai nilai-nilai pendidikan yang boleh membentuk keperibadian golongan muda agar lebih bijak dalam menangani emosi dan perasaan, mempunyai sikap sayang kepada keluarga dan bijaksana dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan. Jelaslah bahawa puisi amat akrab dengan kehidupan harian masyarakat terutamanya intipati dalam bait-bait puisi *geliga* mempunyai potensi untuk memupuk nilai kasih sayang, hormat menghormati, tolong-menolong dan sebagainya dalam kalangan masyarakat Iban.

Berdasarkan kajian yang dilakukan Nelson Tandang (2017), puisi dicipta berdasarkan pemerhatian terhadap tindak-tanduk manusia. Ini bermaksud puisi menjelaskan tentang tingkah laku yang dilakukan oleh manusia dalam kehidupan seharian. Kajian tersebut juga menyokong penyelidikan ini yang menggunakan puisi *geliga* sebagai puisi adat kerana berhubung kait dengan tingkah laku yang perlu dipatuhi masyarakat atau khalayak ramai ketika meraikan perayaan gawai dan majlis perkahwinan.

Chemaline Osup (2013) menjelaskan bahawa *leka main* (puisi) dalam bilik darjah membantu pelajar sekolah untuk menghayati gaya bahasa, nilai, unsur budaya dan sebagainya yang boleh digunakan guru untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Iban sekaligus membentuk sahsiah diri pelajar. Gaya bahasa adalah bahasa yang dipilih dan digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Arba dan Arbak (2014: 5) menyatakan teori Stilistik merupakan kata-kata indah yang dicipta dengan pelbagai gaya bahasa supaya nikmat daripada bahasa tersebut dapat diamati. Jelaslah bahawa kajian tersebut berhubung kait dengan penyelidikan ini yang menyentuh gaya bahasa dalam puisi *geliga* mempunyai peranan penting dalam menyampaikan mesej dengan lebih jelas dan berkesan kepada khalayak ramai yang mendengarnya.

METODOLOGI

Penyelidikan ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual untuk memperoleh maklumat daripada informan yang dipilih dan kaedah perpustakaan untuk mengukuhkan lagi hasil data yang dikutip. Othman (2015: 15) menyatakan reka bentuk kualitatif merupakan kajian yang melibatkan data bersifat subjektif seperti transkrip temu bual,


foto, grafik, audio dan video. Seramai lima orang responden yang dipilih iaitu empat daripadanya merupakan pemuisi *geliga* manakala seorang lagi responden merupakan pegawai penyelidik.

Penyelidik menggunakan teori Budaya dan teori Stilistik oleh Mana Sikana (2013) untuk memantapkan lagi hasil data yang dikutip supaya dapat mencapai tujuan penyelidikan ini dijalankan. Teori Budaya digunakan penyelidik untuk mengenal pasti jenis *geliga* sebagai puisi adat dengan menggunakan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks. Bersandarkan pendekatan tersebut, penyelidik akan menganalisis teks puisi *geliga* kerana teks yang dihasilkan adalah berpandukan tujuan perayaan yang diraikan sekaligus membantu penyelidik mengenal pasti jenis *geliga*. Bagi objektif kedua, penyelidik juga menggunakan teori Budaya untuk mengenal pasti fungsi *geliga* dengan menggunakan pendekatan meneliti perjuangan-perjuangan individu. Pendekatan tersebut digunakan penyelidik untuk menganalisis hasil data temu bual bersama pemuisi *geliga* yang bertanggungjawab memperjuangkan puisi *geliga* sebagai puisi adat untuk mendidik masyarakat. Seterusnya, teori Stilistik digunakan penyelidik untuk menghuraikan gaya bahasa dalam *geliga* dengan menggunakan pendekatan kefahaman pembaca. Penyelidik menggunakan pendekatan kefahaman pembaca untuk menganalisis unsur pengulangan yang berlaku dalam puisi *geliga*.

DAPATAN KAJIAN

Jenis Geliga Sebagai Puisi Adat

Hasil kajian mendapati jenis *geliga* sebagai puisi adat dalam komuniti Iban adalah *Geliga Gawai Dayak* dan *Geliga Nikah*. Teori Budaya dengan menggunakan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks oleh Mana Sikana (2013) digunakan untuk mengenal pasti jenis *geliga* berdasarkan kaedah temu bual bersama lima responden. Kaedah perpustakaan juga digunakan untuk mencapai objektif ini sebagai sokongan kepada bukti kajian hasil daripada kaedah temu bual yang dijalankan. Kaedah perpustakaan yang digunakan adalah sumber buku oleh Jimmy Donald (1993) yang bertajuk *Chara Enggau Gaya Leka Main Iban*. Berikut merupakan Rajah 1 bagi memperlihatkan teori dan kaedah yang digunakan penyelidik untuk menjawab jenis *geliga* sebagai puisi adat dalam komuniti Iban.



Rajah 1 Jenis *geliga* sebagai puisi adat
Sumber: Penyelidik (2021)

Geliga Gawai Dayak merupakan puisi *geliga* yang dilafazkan semasa hari perayaan Gawai Dayak masyarakat Iban iaitu pada 1 Jun setiap tahun sebagai tanda kesyukuran terhadap hasil penuaian padi. Gawai bermaksud festival manakala dayak merupakan nama kolektif yang merujuk kepada orang pribumi di Sarawak seperti kaum Iban, Bidayuh, Orang Ulu dan juga komuniti dayak di Kalimantan Barat. Namun, dayak yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini adalah merujuk kepada kaum Iban. Hari Gawai Dayak disambut di rumah panjang masyarakat Iban secara besar-besaran dengan menjemput penduduk dari rumah panjang yang berlainan untuk bersama-sama memeriahkan perayaan yang diadakan. Justeru, puisi *geliga* perlu dilafazkan supaya perayaan yang diadakan berjalan dengan lancar. Menurut responden 1 iaitu Encik Ngilah Anak Ela berusia 75 tahun dan responden 2 iaitu Encik Rantai Anak Gerijih berusia 74 tahun merupakan pemuisi *geliga* menyatakan bahawa *Geliga Gawai Dayak* digunakan setiap kali perayaan gawai masyarakat Iban yang dilafazkan di hadapan khalayak ramai sebelum bermulanya perayaan Gawai Dayak untuk menjelaskan adat rumah panjang yang perlu dipatuhi oleh para tetamu yang hadir. Sebelum acara perayaan dimulai, *Tuai Rumah* (Ketua Kampung) yang mewakili setiap rumah panjang akan berkumpul untuk memilih pemuisi *geliga*. Kebiasaannya, pemuisi *geliga* yang dipilih merupakan *Tuai Rumah* (Ketua Kampung) namun orang tua yang *landik bejaku* (mahir berkata-kata) serta berpengalaman melafazkan *leka main geliga* juga boleh dipilih.

Setelah pemuisi *geliga* dipilih, *tawak* (gong) akan dipalu terlebih dahulu untuk menarik perhatian khalayak ramai agar mendengar puisi *geliga*. Setelah itu, pemuisi *geliga* melafazkan *geliga* dari pintu pertama sehingga pintu kelima dan diulang pada pintu keenam hingga selanjutnya di sepanjang *ruai* (laman tengah) rumah panjang. Para tetamu akan diberi nasihat berkenaan adat rumah panjang iaitu berkaitan dengan tingkah laku yang perlu dipatuhi sepanjang perayaan berlangsung. Sekiranya khalayak didapati melanggar adat tersebut maka akan dikenakan denda mengikut adat rumah panjang yang telah ditetapkan oleh *Tuai Rumah* (Ketua Kampung). Denda tersebut akan dibayar dalam bentuk wang ringgit atau dibalas dengan benda. Sebagai contoh, sekiranya kesalahan tersebut adalah bergaduh maka dikenakan bayaran berbentuk wang ringgit manakala sekiranya kesalahan tersebut adalah sengaja memecahkan barang seperti pinggan, gelas, kaca maka perlu diganti dengan benda yang serupa.

Berikut merupakan contoh beberapa bait-bait *Geliga Gawai Dayak* yang mengungkapkan tentang tingkah laku dan denda oleh Jimmy Donald (1993) sebagai sokongan terhadap rakaman temu bual dengan menggunakan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks.

<i>Geliga Gawai Dayak</i>	Terjemahan
Oh ha! Oh ha! Oh ha!	Oh ha! Oh ha! Oh ha!
Ni kita pengabang maioh, pengabang banyak?	Wahai kamu para tetamu yang ramai serta banyak?
Enti kita udah belaya, udah beinsah,	Kalau kamu didapati bergaduh dan bertumbuk,
Kita enda tau pulai ngapa,	Kamu tidak dibenarkan pulang,
Enti adat bedau disua kita.	Sekiranya denda kamu belum dibayar.

Sumber: Jimmy Donald (1993: 106)

Bait-bait *Geliga Gawai Dayak* tersebut mengungkapkan nasihat berkaitan tingkah laku para tetamu yang didapati bergaduh akan dikenakan denda berbentuk wang ringgit. Sekiranya denda tersebut belum dilunaskan, maka tetamu yang bersalah tidak dibenarkan pulang. Sumber data yang diperoleh melalui kaedah temu bual dan kaedah perpustakaan menjelaskan jenis *geliga* dikenal pasti melalui teks puisi *geliga* yang dinyatakan seperti di atas dengan menggunakan teori Budaya berdasarkan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks. Selain itu, puisi *geliga* juga dikenal pasti berdasarkan tujuan perayaan diadakan. Sekiranya perayaan yang diraikan adalah hari Gawai Dayak maka puisi *geliga* tersebut dikenali sebagai *Geliga Gawai Dayak*.

Seterusnya, bagi *Geliga Nikah* pula merupakan puisi yang digunakan semasa hari perkahwinan masyarakat Iban di rumah panjang. *Nikah* membawa maksud perkahwinan bagi masyarakat Iban. Perbezaan *Geliga Nikah* dengan *Geliga Gawai Dayak* adalah dari segi cara penyampaian. Pemuisi *Geliga Nikah* hanya berdiri setempat di hadapan pengantin dan para tetamu manakala pemuisi *Geliga Gawai Dayak* perlu berjalan di *ruai* rumah panjang pada setiap lima pintu. Menurut responden 3 iaitu Encik Masam Anak Buah berusia 80 tahun yang merupakan pemuisi *geliga* menyatakan bahawa *Geliga Nikah* pula hanya berdiri setempat sahaja iaitu di hadapan pengantin. Intipati yang disampaikan dalam *Geliga Nikah* adalah sama dengan intipati *Geliga Gawai Dayak* iaitu berkenaan adat rumah panjang yang perlu dipatuhi khalayak ramai sepanjang majlis perkahwinan berlangsung iaitu tidak boleh mencuri, bergaduh, membawa senjata tajam, membawa racun, membunuh, menyindir dan sebagainya.

Berikut merupakan contoh beberapa bait-bait *Geliga Nikah* yang mengungkapkan tentang tingkah laku oleh Jimmy Donald (1993) sebagai sokongan terhadap rakaman temu bual dengan menggunakan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks.


<i>Geliga Nikah</i>	Terjemahan
Nya alai ngagai kita pengabang maioh, Ke betuboh dudok begelumu, Nyangka kitai bisi mai rachun, Anang meh mai iya kitu, Anang meh nguji ngagai aya enggau ibu.	Kepada kamu para tetamu yang ramai, Yang sedang duduk bergumpul bersama, Sekiranya kamu didapati membawa racun, Janganlah dibawa ke sini, Janganlah diuji kepada pak cik dan mak cik.

Sumber: Jimmy Donald (1993: 122)

Bait-bait *Geliga Nikah* tersebut mengungkapkan kata nasihat berkaitan tingkah laku para tetamu yang didapati membawa racun ketika meraikan majlis perkahwinan, dinasihatkan supaya tidak membawa racun tersebut masuk ke rumah panjang dan diuji kepada golongan tua seperti pak cik dan mak cik kerana boleh mengakibatkan kehilangan nyawa dan perbalahan. Sumber data yang diperoleh hasil daripada kaedah temu bual dan kaedah perpustakaan menjelaskan jenis *geliga* dikenal pasti melalui teks puisi *geliga* yang dinyatakan seperti di atas dengan menggunakan teori Budaya berdasarkan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks. Seterusnya, puisi *Geliga Nikah* juga dikenal pasti berdasarkan majlis keramaian yang diraikan. Sekiranya majlis tersebut adalah majlis “*nikah*” iaitu majlis perkahwinan maka puisi *geliga* tersebut dikenali sebagai *Geliga Nikah*.

Fungsi *Geliga* Berdasarkan Teori Budaya

Menggunakan teori Budaya oleh Mana Sikana (2013) berdasarkan pendekatan meneliti perjuangan-perjuangan individu telah membantu penyelidik mengenal pasti fungsi *geliga* iaitu sebagai peringatan tentang adat rumah panjang dan membentuk akhlak yang mulia melalui kaedah temu bual bersama lima responden. Bersandarkan pendekatan meneliti perjuangan-perjuangan individu, penyelidik memfokuskan kepada pemuisi *geliga* yang merupakan pejuang dan mempunyai tanggungjawab untuk mengekalkan *geliga* sebagai salah satu puisi adat yang harus dikekalkan dan dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang secara turun-temurun supaya tidak mudah tersisih mengikut peredaran zaman. Berikut Rajah 3 memperjelaskan teori dan kaedah yang digunakan penyelidik untuk menjawab fungsi *geliga* sebagai puisi adat dalam komuniti Iban.



Rajah 2 Fungsi *geliga*

Sumber: Penyelidik (2021)

Fungsi utama puisi *geliga* ini dicipta atau dikarang oleh pemuisi *geliga* adalah digunakan sebagai peringatan tentang adat rumah panjang. Hal ini kerana suatu ketika dahulu puisi yang bersifat lisan amat mudah untuk menarik perhatian masyarakat, maka ia digunakan pemuisi *geliga* untuk menyampaikan nasihat, pesanan atau mesej sekiranya ingin menyambut perayaan dan menyampaikan maklumat di rumah panjang. Menurut responden 4 iaitu Encik Jantan Anak Uambat berusia 76 tahun yang merupakan pegawai penyelidik bagi masyarakat Iban menjelaskan bahawa puisi *geliga* digunakan untuk memberi kata-kata nasihat kepada para tetamu supaya sentiasa menjaga tingkah laku sepanjang perayaan gawai dan majlis perkahwinan dijalankan. Abang Sallehuddin Abg. Shokeran dan Hashim Ismail (2017) menyatakan *ensera* sebagai salah satu puisi masyarakat Iban semakin tersisih kerana pengaruh budaya yang serba moden pada masa kini. Justeru, pemuisi *geliga* telah menggunakan *geliga* sebagai salah satu wadah untuk menerangkan adat rumah panjang yang harus dikekalkan dan wajib untuk dipatuhi khalayak ramai sepanjang perayaan gawai dan majlis perkahwinan


berlangsung supaya tidak mudah ditelan zaman. Puisi *geliga* ini juga dikenali sebagai puisi adat istiadat kerana mengutamakan mesej yang berkaitan dengan adat masyarakat Iban.

Sebagai contoh, adat rumah panjang yang diselitkan dalam bait-bait puisi *geliga* adalah khalayak tidak dibenarkan bergaduh, mencuri, membunuh, menyindir, membawa senjata tajam, membawa racun dan meninggi diri namun sebaliknya khalayak disarankan untuk memupuk rasa kasih sayang, hormat-menghormati dan saling membantu antara satu sama lain. Sekiranya terdapat di antara mereka bergaduh sudah pasti acara yang diraikan tidak berjalan dengan lancar. Setelah itu, sekiranya para tetamu atau penghuni rumah panjang iaitu penganjur acara telah melanggar adat yang disampaikan melalui *geliga* maka mereka tidak dibenarkan pulang serta merta kerana harus membayar denda kepada *tuai rumah* (ketua kampung) berbentuk wang ringgit atau diganti dengan benda.

Fungsi *geliga* yang seterusnya adalah membentuk akhlak yang mulia dalam kalangan masyarakat Iban dengan lebih baik. Pemuisi *geliga* memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian khalayak yang hadir pada perayaan gawai mahupun majlis perkahwinan. Hal ini kerana, intipati yang terkandung dalam bait-bait *leka main geliga* ini menekankan tentang tingkah laku yang perlu dipatuhi. Menurut responden 5 iaitu Encik Bajau Anak Akun berusia 86 tahun menyatakan fungsi puisi *geliga* ini adalah untuk mengawal kelakuan supaya tidak berlakunya pergaduhan sepanjang acara berlangsung dan tidak menyarankan para tetamu membawa senjata tajam yang boleh membunuh namun sebaliknya dinasihatkan supaya saling hormat-menghormati dan bersikap bertolak ansur. Hal yang demikian menjelaskan nasihat yang berkaitan perilaku khalayak melalui puisi *geliga* tersebut menyerlahkan akhlak diri mereka. Menurut buku *The Encyclopedia of Iban Studies* (2001: 644) menyatakan *geliga* dijadikan panduan bagi masyarakat Iban untuk menjaga tingkah laku sepanjang acara dijalankan. Oleh itu ketika khalayak mematuhi adat sepanjang perayaan gawai dan majlis perkahwinan diadakan, maka ia secara tidak langsung membentuk akhlak mereka dengan lebih kukuh kerana mereka telah terbawa-bawa akan sikap yang diamalkan sepanjang perayaan gawai dan majlis perkahwinan berlangsung. Pada yang sama, sikap tersebut juga dapat diterapkan dalam kehidupan seharian mereka sehingga wujudnya masyarakat yang lebih berwawasan, berdisiplin dan beretika tinggi terutamanya generasi muda.

Gaya Bahasa Pengulangan Kata dalam *Geliga*

Gaya bahasa pengulangan kata anafora dan mesodilopsis telah digunakan dalam puisi *geliga* berdasarkan teori Stilistik oleh Mana Sikana (2013) dengan menggunakan pendekatan kefahaman pembaca. Penyelidik telah menggunakan kaedah perpustakaan untuk menghuraikan gaya bahasa pengulangan kata anafora dan mesodilopsis dengan menggunakan buku yang bertajuk *Chara Enggau Gaya Leka Main Iban* oleh Jimmy Donald (1993). Berikut merupakan Rajah 4 yang memperjelaskan teori dan kaedah yang digunakan penyelidik untuk menghuraikan gaya bahasa pengulangan kata dalam *geliga*.



Rajah 3 Gaya bahasa pengulangan kata dalam *geliga*

Sumber: Penyelidik (2021)

Gaya bahasa pengulangan kata anafora adalah pengulangan kata pada awal baris atau awal ayat secara berturutan. Pengulangan kata anafora tersebut berlaku pada kedua-dua jenis puisi *geliga* iaitu *Geliga Gawai Dayak* dan *Geliga Nikah*. Berikut merupakan contoh bagi pengulangan kata anafora yang berlaku pada teks *Geliga Gawai Dayak* dan teks *Geliga Nikah* menggunakan buku *Chara Enggau Gaya Leka Main Iban* oleh Jimmy Donald (1993).

Jenis Puisi <i>Geliga</i>	Baris	Terjemahan
<i>Geliga Gawai dayak</i>	Tetemu ka jam, tetemu ka saputangan, Tetemu ka tichin, tetemu ka antin,	Terjumpa jam, terjumpa sapu tangan, Terjumpa cincin, terjumpa anting,
<i>Geliga Nikah</i>	Pechah siti diganti dua, Pechah dua diganti empat,	Pecah satu diganti dua, Pecah dua diganti empat,

Sumber: Jimmy Donald (1993)

Gaya bahasa pengulangan kata anafora telah berlaku pada perkataan awal baris iaitu “*tetemu*” bagi *Geliga Gawai Dayak* yang diulang secara berturutan untuk menekankan tingkah laku khalayak sekiranya menjumpai barang seperti jam, sapu tangan, cincin dan anting dinasihatkan supaya mengembalikannya kepada ketua gawai. Seterusnya, perkataan “*pechah*” bagi *Geliga Nikah* menekankan tentang denda yang dikenakan sekiranya pinggan didapati pecah satu maka perlu diganti dengan dua pinggan manakala sekiranya pinggan didapati pecah dua maka perlu diganti dengan empat pinggan.

Seterusnya adalah gaya bahasa pengulangan kata mesodilopsis adalah pengulangan kata di tengah-tengah baris secara berturutan. Berikut merupakan contoh pengulangan kata mesodilopsis yang berlaku pada *Geliga Gawai Dayak* dan *Geliga Nikah* menggunakan buku yang bertajuk *Chara Enggau Gaya Leka Main Iban* oleh Jimmy Donald (1993).

Jenis Puisi <i>Geliga</i>	Baris	Terjemahan
<i>Geliga Gawai Dayak</i>	<i>Pinggai sesikap diganti dua! Pechah dua diganti empat!</i>	Pinggan terbelah diganti dua! Pecah dua diganti empat!
<i>Geliga Nikah</i>	<i>Nyangka kitai bisi enda ampit ngirup, Anang ga kitai bejako mut- mut.</i>	Sekiranya kita tidak sempat meneguk minuman, Janganlah kita terus mengeluarkan kata-kata tidak baik.

Sumber: Jimmy Donald (1993)

Gaya bahasa pengulangan kata mesodilopsis telah berlaku pada perkataan di tengah-tengah baris iaitu “*diganti*” bagi *Geliga Gawai Dayak* untuk menekankan hukuman yang dikenakan kepada para tetamu kerana telah mengakibatkan pinggan tuan rumah iaitu penganjur acara terbelah dan pecah. Pinggan yang didapati terbelah tersebut perlu diganti dengan dua pinggan manakala pinggan yang didapati pecah perlu diganti dengan empat pinggan sebagai hukuman berbentuk benda. Seterusnya, perkataan “*kitai*” bagi *Geliga Nikah* menekankan para tetamu, penghuni rumah panjang yang merupakan penganjur acara termasuk pemuisi *geliga* sendiri supaya tidak mudah marah dengan mengeluarkan kata-kata kesat sekiranya tidak sempat meneguk minuman.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian yang dibincangkan telah berhasil menjawab tiga soalan kajian yang diajukan dalam penyelidikan ini iaitu berapakah jenis *geliga* sebagai puisi adat, apakah fungsi *geliga* berdasarkan teori Budaya dan menghuraikan gaya bahasa pengulangan kata dalam *geliga*. Terdapat dua jenis *leka main geliga* rakyat Iban yang telah dikenal pasti penyelidik berdasarkan teori Budaya dengan menggunakan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks iaitu *Geliga Gawai Dayak* dan *Geliga Nikah*. Kedua-dua jenis *geliga* tersebut mempunyai tujuan yang sama namun dikenali berdasarkan perayaan gawai atau majlis perkahwinan yang diraikan serta teks yang digunakan.

Seterusnya, fungsi *leka main geliga* rakyat Iban adalah sebagai peringatan tentang adat rumah panjang dan membentuk akhlak yang mulia. Akhir sekali, penyelidik menjawab kepada soalan kajian ketiga iaitu gaya bahasa pengulangan kata dalam *geliga* adalah pengulangan kata anafora dan mesodilopsis. Hal ini kerana berlaku pengulangan perkataan pertama secara berturutan di awal baris atau di depan baris bait *leka main geliga* dan pengulangan kata di tengah-tengah baris *geliga* secara berturutan.

Melalui kajian ini, diharap masyarakat Iban menyelami dengan lebih mendalam berkenaan puisi *geliga* yang bukan sahaja sebagai salah satu kesenian masyarakat Iban namun juga sebagai salah satu wadah dalam mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban sekaligus membentuk serta mendidik sahsiah masyarakat. Bagi masyarakat Iban yang masih mendiami rumah panjang digalakkan untuk mempertahankan puisi *geliga* sebagai salah satu aktiviti yang wajib dilakukan sebelum memulakan upacara gawai dan majlis perkahwinan. Ianya amat penting bagi mengawal acara yang diadakan supaya berjalan dengan lancar.

Bagi kementerian pendidikan dicadangkan agar para guru diberi pendedahan dan latihan berkenaan genre sastera masyarakat Iban terutamanya puisi *geliga* ini yang amat penting untuk difahami secara mendalam dan terperinci kerana memberi manfaat terhadap hasil pembelajaran mata pelajaran Bahasa Iban di sekolah. Selain itu, pihak sekolah juga dicadangkan agar sentiasa menganjurkan pertandingan mendeklamasikan puisi atau mencipta puisi untuk pengajaran Bahasa Iban kerana melalui cara ini, selain memupuk kreativiti para pelajar, dapat juga meningkatkan penguasaan mereka terhadap puisi masyarakat Iban.

Kajian ini juga diharap dijadikan panduan kepada para guru, murid dan masyarakat Iban untuk mengenali serta mempelajari puisi *geliga* dengan lebih jelas serta dapat meningkatkan kemahiran mereka untuk menguasai puisi *geliga* ini. Masyarakat Iban yang mengutamakan adat untuk diwarisi secara turun temurun amat bertepatan dengan kajian ini kerana membantu memperjelaskan puisi *geliga* sebagai puisi adat dalam kalangan generasi muda yang perlu dipertahankan dan dikekalkan hingga masa akan datang.

Geliga bukanlah puisi yang hanya mengungkapkan bait-bait kata yang indah didengar semata-mata namun menitikberatkan kesatuan dalam masyarakat untuk membentuk adat dan budaya. Penciptaan puisi ini sudah semestinya memerlukan seseorang pengarang mahupun pemuisi yang peka terhadap persekitaran. Tetapi juga memerlukan pengarang yang sanggup bertahan dan setia dengan mempersembahkan puisi yang bermatlamat untuk membina negara bangsa. Perkara yang sama juga berlaku kepada puisi *geliga* yang berperanan dalam mengubah kehidupan manusia ke arah yang lebih baik. Intipati yang terdapat dalam *leka main geliga* sangat bernilai dalam membentuk sahsiah diri masyarakat. Sahsiah yang dibentuk tersebut akan memperlihatkan masyarakat yang lebih berilmu dan berpengetahuan tidak kira masyarakat kaya atau miskin.

Puisi *geliga* merupakan salah satu puisi adat dalam kalangan masyarakat Iban yang amat penting untuk ditonjolkan kerana kajian ini telah memperjelaskan akan keistimewaan genre sastera sedia ada iaitu puisi *geliga* yang amat menarik dan mempunyai pelbagai tujuan namun kian kurang didengar pada hari ini. Oleh itu, dengan adanya kajian ini dapat mempertahankan puisi *geliga* serta memperkenalkannya kepada generasi baru agar mewarisi puisi *geliga* ini dalam kehidupan mereka terutamanya apabila meraikan perayaan gawai dan majlis perkahwinan di rumah panjang.

RUJUKAN

- Richards, A. (1981). *An Iban-English Dictionary*. New York: Oxford University Press.
- Arba'ie Sujud., & Arbak Othman. (2014). *Stilistik*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Abang Sallehuddin Abg. Shokeran., & Hashim Ismail. (2017). "Tukang Ensera": Seni Tradisi Berdepan Cabaran Modenisasi. *Jurnal Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 28 (1), 1-20.
- Chemaline Anak Osup. (2013). Penghayatan Leka Main Melalui Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Jaku Iban di Bilik Darjah. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. 1 (1), 112-138.

- Chemaline Osup., & Norjietta Binti Taisin. (2019). Iban Dindang and Malay Pantun: Impact on Intellectual Intelligence and Building of Human Capital in Iban and Malay Communitie. *International Journal of Academic Research In Business & Social Sciences*. 3 (1), 1445-1450.
- Indah Khusnul., Yulia Esti Katrini., & Rangga Asmara. (2018). Perbandingan Fungsi Gaya Bahasa Dalam Puisi Gadis Peminta-Minta Karya Toto Sudarto Bachtiar dengan Puisi Kepada Peminta-Minta Karya Chairil Anwar. *Riset Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Universitas Tidar. 1 (1), 78-85.
- Donald, J. (1997). *Chara Enggau Gaya Leka Main Iban*. Sarawak: The Tun Jugah Foundation.
- Joanes, J. (2015). Sistem Bahasa dan Tulisan Bahasa Iban. *Journal of Language, Literature and Culture*. Academy Of Language. 1, 1-20.
- Mana Sikana. (2013). *Koleksi Teori Sastra Klasik, Tradisional, Moden, Pascamoden dan Tempatan*. Perak: Pustaka Karya.
- Nelson Tandang Anak Edwin Unting. (2017). *Struktur Pragmatik Dalam Puisi Pelandai Bulan*. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Talib. (2015). *Pengenalan Analisis Data Kualitatif Ilustrasi Langkah Demi Langkah*. Selangor: MPWS Rich Publication Sdn Bhd.
- Rosliah Kiting., Rosy Talin., & Saidatul Nornis Mahali. (2016). Nilai Pendidikan Talaala dan Impak Kepada Pembentukan Generasi Muda Kadazandusun. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. 9, 77-86.
- The Tun Jugah Foundation. (2001). *The Encyclopedia Of Iban Studies*. Sarawak: Tun Jugah Foundation.